

TARIKH : 18 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17

Pengeluar kecilkan operasi punca bekalan telur terjejas

Pengeluar kecilkan operasi punca bekalan telur terjejas

Pembukaan semula ekonomi lonjak permintaan sekali gus naikkan harga produk

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penularan pandemik COVID-19 di negara ini yang memberi kesan kepada sektor perternakan telur ayam menyebabkan pengeluar mengurangkan kos operasi mereka, selain terpaksa mengecilkan pengeluaran.

Adeysham Nor yang juga Se-

tiausaha Akbar kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, berkata akibat pandemik itu anak ayam penelur yang baru tidak dibeli serta ramai pekerja asing dihantar pulang ke negara asal mereka.

Katanya, apabila negara memasuki fasa pemuliharan COVID-19 dan pelbagai sektor ekonomi mula dibuka, permintaan telur semakin meningkat dan pada masa kini pengeluarannya kurang sedangkan permintaan meningkat.

"Keadam itu sekali gus menyebabkan harga telur naik mendadak dan rakyat mula merungut."

"Kerajaan terdahulu mengambil keputusan mengenakan kawalan harga telur supaya ia tidak naik mendadak. Sebanyak 80 peratus makanan ayam penelur ada-

lah jagung dan ia diimport.

"Sejak setahun lalu, harga jagung dunia naik berlipat kali ganda dan penurunan nilai mata wang kita juga memburukkan lagi keadaan. Situasi ini menyebabkan kos pengeluaran telur naik mendadak dan banyak syarikat kecil ditutup kerana tidak mempunyai aliran tunai yang sihat," katanya di Facebook, semalam.

Tanggung kerugian

Beliau berkata, kawalan harga menyebabkan pengeluar telur tidak lagi mendapat keuntungan dan mula menanggung kerugian. "Pengeluaran telur negara berkurangan daripada 120 peratus kepada 100 peratus.

"Untuk mengurangkan kerugian pengeluar telur, kerajaan terpaksa memberi subsidi RM200 juta sebulan dan (kerajaan) ter-



Bekalan telur terhad di pasaran cetus rungutan pengguna. (Foto hiasan)

paksu menanggung hampir RM2.4 billion subsidi," katanya.

Adeysham berkata, harga makanan ayam terus meningkat sehingga kini dan subsidi yang diberi tidak lagi mencukupi untuk menanggung kerugian pengeluar telur.

"Jadi pengeluar telur terpaksa mengeksport telur ke Singapura dan Hong Kong untuk meningkatkan pendapatan syarikat. Situasi inilah yang menyebabkan bekalan telur dalam negara berkurangan lagi 20 peratus.

"Keuntungan daripada aktiviti eksport ini diguna untuk memampung kerugian yang mereka tanggung kerana menjual telur

dalam negara.

"Ada syarikat telur yang jumlahnya RM20 juta setahun, tetapi untung bersihnya hanya RM20,000. Jika kerajaan menghentikan eksport, maka lebih banyak pengeluar telur akan 'tutup kedai' dan akibatnya bekalan dalam negera akan jadi lebih meruncing," katanya.

Beliau berkata, mengimport telur dari negara luar hanyalah langkah sementara kerajaan.

"Teorinya mudah apabila pengeluaran telur sudah melebihi permintaan harganya akan turun. Apabila harga stabil kerajaan tidak perlu lagi mengawal harga dan memberikan subsidi," katanya.